

MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN AWAM (MPIPA) PERINGKAT NEGERI PAHANG TAHUN 2022

PENGENALAN

Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam (MPIPA) Peringkat Negeri Pahang Tahun 2022 diadakan sebagai satu usaha untuk meningkatkan penyertaan anggota perkhidmatan awam dalam aktiviti penambahbaikan bagi meningkatkan kualiti dan produktiviti Jabatan/Agensi Kerajaan. Penganjuran ini dilihat dapat merubah dan memperkenalkan cara kerja baharu yang lebih cekap dan berkesan serta menghasilkan *output* dan *outcome* yang lebih baik. MPIPA Peringkat Negeri Pahang diadakan untuk memilih kumpulan yang akan mewakili Negeri Pahang bagi menyertai Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Kebangsaan 2022. Penganjuran MPIPA Peringkat Negeri Pahang ini diharap dapat menjadikan KIK sebagai satu budaya bagi menghasilkan penambahbaikan di Jabatan/Agensi di bawah Pentadbiran Negeri Pahang.

OBJEKTIF

- i. menggalakkan Jabatan/Agensi di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Pahang untuk terus membudayakan kreativiti dan inovasi dalam melaksanakan proses kerja bagi meningkatkan kecekapan; dan
- ii. sebagai persediaan bagi menghadapi Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Kebangsaan. Para penerima anugerah dari Jabatan/Agensi di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Pahang akan dipersiapkan untuk mewakili Negeri Pahang ke Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Kebangsaan 2022.

PANDUAN DAN SYARAT PENYERTAAN

SYARAT UMUM:

1. Penyertaan dibuka **sehingga 14 Ogos 2022** kepada Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) dari semua Jabatan Kerajaan Negeri / Persekutuan, Badan Berkanun Negeri / Persekutuan, Pejabat Daerah dan Tanah serta Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Pahang.
2. Setiap Jabatan/Agensi dibenarkan menghantar :
 - a. **maksimum tiga (3) projek KIK Primer** sama ada dalam bidang Inovasi Sosial (kategori Penciptaan atau Penambahbaikan) atau dalam bidang Inovasi Penyampaian Perkhidmatan (kategori Penciptaan atau Penambahbaikan); dan
 - b. **satu (1) projek KIK Hibrid.**
3. Penetapan bidang dan kategori inovasi adalah berdasarkan **Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam Bil 1 Tahun 2016 (Panduan Pembudayaan dan Pemeraksanaan Inovasi Dalam Sektor Awam Melalui Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif)** iaitu jenis projek KIK yang dilaksanakan. Penganjur berhak menukar kategori penyertaan berdasarkan kesesuaian projek.
4. Kumpulan yang mengambil bahagian merupakan kumpulan yang telah mempersembahkan projek mereka kepada pihak pengurusan di Jabatan/Agensi masing-masing pada tahun 2020/2021/2022. Kumpulan tersebut hendaklah dipilih daripada kumpulan yang terbaik dalam kalangan kumpulan KIK di Jabatan/Agensi.

5. Projek kumpulan KIK yang ingin menyertai MPIPA Peringkat Negeri Pahang mestilah projek semasa tahun 2020/2021/2022.
6. Projek tersebut hendaklah belum pernah dipersembahkan oleh kumpulan dalam mana-mana konvensyen peringkat Wilayah Persekutuan/ Negeri/ Kebangsaan pada tahun-tahun sebelumnya. **Projek kumpulan mestilah telah selesai dilaksanakan sebelum konvensyen pada tahun semasa.**
7. Pencalonan menyertai pertandingan hendaklah dibuat oleh Jabatan/Agensi masing-masing dengan melengkapkan Borang Penyertaan secara dalam talian (*online*) di laman web seperti berikut :

SISTEM PENGURUSAN INOVASI & KREATIF PAHANG (PIKIR)

<https://pikir.pahang.gov.my>



8. Minimum bilangan ahli bagi setiap pasukan KIK Primer yang mengambil bahagian dalam MPIPA PAHANG 2022 adalah **dua (2) orang tetapi tidak melebihi sepuluh (10) orang daripada agensi sama** yang bekerjasama melaksanakan projek KIK. Keahlian KIK terbuka kepada semua anggota jabatan terbabit.

9. Kriteria dan wajaran penilaian projek adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
10. Setiap pencalonan hendaklah **dikemukakan kepada pihak Urus Setia, Seksyen Kualiti dan Inovasi, Unit Korporat** melalui Sistem Pengurusan Inovasi dan Kreatif Pahang (*Sistem PIKIR*). Sebarang pertanyaan dan urusan surat-menyurat boleh menghubungi pihak urus setia seperti berikut:

Telefon : **09-513 9440 (Ts. Muhaimin)**
09-516 1345 (Puan Suhailey)
09-516 3403 (Cik Wan Munira)

Faks : **09-515 7448**

E-mel : **qi.korporat@pahang.gov.my**

Alamat : **Urus setia**
Unit Korporat, Tingkat Bawah, Blok C,
Wisma Sri Pahang,
25503 Kuantan,
PAHANG DARUL MAKMUR

11. Pihak penganjur berhak menerima atau menolak penyertaan daripada mana-mana kumpulan KIK berdasarkan syarat yang telah ditetapkan dan juga di atas kuasa pertimbangan (sekiranya perlu). **Keputusan pemilihan kumpulan untuk menyertai pertandingan oleh pihak penganjur adalah MUKTAMAD.**
12. Permulaan video/montaj tidak dikira masa tetapi terhad kepada 3 minit sahaja. Masa keseluruhan pembentangan projek kumpulan adalah dihadkan kepada 10 minit bermulanya perkataan pertama yang disebut peserta, 20 minit sesi soal jawab (dalam bentuk temuduga kumpulan), 5 minit diperuntukan untuk persiapan awal peralatan dan 5 minit untuk mengemas peralatan.
13. Pihak penganjur MIPA Peringkat Negeri Pahang berhak membuat sebarang pindaan terhadap mana-mana bahagian pada syarat-syarat penyertaan ini pada bila-bila masa tanpa perlu merujuk kepada peserta.

14. Calon hendaklah mengemukakan slaid persembahan (jika berkaitan), keterangan projek, data, gambar, pengiktirafan diterima (peringkat jabatan/agensi, negeri, kebangsaan, antarabangsa) atau bukti lain yang jelas (masukkan dalam satu *folder* yang diberikan nama kumpulan) dengan memuat naik ke dalam *Google Drive* akaun e-mel masing-masing dan masukkan pautan folder tersebut di ruangan “Pautan Lampiran Projek (*Google Drive*)” dalam Sistem PIKIR.

15. Sila pastikan capaian kepada *folder* tersebut adalah berada dalam status “*anyone with the link*” supaya maklumat yang dikongsi dapat diakses oleh pihak penilai..

Nota : Peserta tidak perlu mengemukakan salinan dokumen (hard copy) kepada pihak urus setia.

SYARAT KHUSUS:

KIK HIBRID

- i. KIK Hibrid ialah pasukan kerja yang terdiri daripada **dua (2) atau lebih agensi** yang **bersilang fungsi** yang bekerjasama untuk melaksanakan projek KIK Hibrid. **Bilangan ahli tertakluk kepada skala, kos, kategori projek dan dipersetujui oleh pihak yang melaksanakan projek.**
- ii. KIK Hibrid ialah pasukan kerja yang terdiri daripada dua (2) atau lebih organisasi yang bersilang fungsi, yang bekerjasama secara *seamless* untuk menyelesaikan masalah atau melaksanakan penambahbaikan terhadap bidang tugas masing-masing yang saling berkaitan.
- iii. Pelaksanaan KIK Hibrid boleh dilaksanakan dengan tiga (3) kaedah iaitu :
 - a. Kombinasi / Penggabungan sekurang-kurangnya **dua (2) atau lebih Kementerian / Jabatan / Agensi** yang **berbeza**;
 - b. Kombinasi / Penggabungan sekurang-kurangnya **dua (2) atau lebih Jabatan / Agensi di bawah Kementerian** yang **sama**; dan
 - c. Kombinasi / Penggabungan **ahli kumpulan KIK** daripada Kementerian / Jabatan / Agensi **dengan komuniti** (contoh: Persatuan Penduduk, Pertubuhan, Pertubuhan Bukan Kerajaan dan sebagainya.)
- iv. Sekiranya penyertaan yang diterima adalah **kurang daripada tiga (3) penyertaan**, maka kategori KIK Hibrid **tidak akan dipertandingkan** tetapi **perlu dibentangkan semasa sesi pemeriksaan dokumen dan viva.**

LAMPIRAN A

**KRITERIA DAN WAJARAN PENILAIAN PROJEK
MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN AWAM
(MPIPA) NEGERI PAHANG TAHUN 2022**

BIL	PERKARA	WAJARAN
a)	Penglibatan Pihak Pengurusan	4%
b)	Signifikan Projek dan Pembuktian	10%
c)	Tindakan Penyelesaian	23%
d)	<i>Outcome</i> Projek dan Pembuktian	35%
e)	Impak Projek dan Pembuktian	18%
f)	Potensi Pengembangan Inovasi	10%
JUMLAH KESELURUHAN		100